

LEMBAGA MASJID NEGERI SEMBILAN (LMNS) : SATU TINJAUAN AWAL¹

DR. SHUHADAK BIN MAHMUD²

shuhadak@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masjid merupakan lambang dan syiar Islam yang wajib dihormati. Masjid pertama yang diwujudkan di bumi ini adalah Masjid al-Haram yang turut dikenali sebagai Bait al-Atiq. Selepas 40 tahun pembinaan Masjid al-Haram, Allah memerintahkan Nabi Daud a.s. dan anakandanya Nabi Sulaiman a.s. untuk membangunkan Masjid al-Aqsa. Al-Quran turut menyebut tentang Masjid Taqwa yang dibina oleh Rasulullah SAW setibanya Baginda di bumi Quba'. Pembinaan Masjid Nabawi di Kota Madinah turut menjadi bukti kukuh peranan dan kegemilangan masjid di zaman Nabi, sahabat dan salaf al-soleh. Namun sejarah kehebatan dan kegemilangan masjid ini hanya tinggal kenangan sekiranya masjid-masjid yang tersergam indah ini tidak ditadbir urus menurut panduan sunnah dan roh syariah. Pemeraksanaan masjid melalui transformasi pengurusan secara profesional cuba direalisasikan dengan pengwujudkan Lembaga Masjid Negeri Sembilan (LMNS). Penubuhan LMNS yang diilhamkan sendiri oleh YAB Datok Seri Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan adalah satu usaha untuk mengarus perdanakan pengurusan masjid terutamanya masjid-masjid besar dan utama di Negeri Sembilan. Ini memerlukan perancangan dan pengurusan masjid melalui sistem pengurusan yang sistematik dan bersifat profesional seperti pengurus yang profesional atau sumber manusia yang profesional, fizikal masjid yang profesional, jemaah atau khalayak ramai yang profesional dan perancangan serta pengurusan yang profesional. Pengstrukturkan ini juga bercadang untuk menjadikan masjid sebagai pusat kecemerlangan masyarakat setempat yang mempunyai peranan dalam konteks masa kini seperti sebagai pemangkin kepada kegiatan harian masyarakat untuk manfaat pembangunan setempat, pusat kecemerlangan pendidikan, berfungsi sebagai sebuah pertubuhan kemasyarakatan dan think tank, berperanan untuk melaksanakan program kebudayaan, sosial, ekonomi dan sebagainya di persekitaran masjid dan sebagai medan untuk mencari ketenangan bagi mengembalikan kekuatan jiwa dan minda. LMNS telah diluluskan untuk beroperasi secara rasmi melalui keputusan mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kali ke-223 pada 14 Julai 2014. Setiap masjid yang berkenaan akan diletakkan seorang pentadbir berkelulusan ijazah sebagai Ketua Pentadbiran (Eksekutif Masjid) dan juga menjadi salah seorang ahli jawatankuasa kariah masjid.

¹ Kertas Kerja dikemukakan untuk Seminar Masjid, Zakat dan Wakaf pada 1-2 Disember 2014 di Grand Season Hotel Kuala Lumpur anjuran Masjid al-Azhar KUIS.

² Pengurus Lembaga Masjid Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

1.0 LATAR BELAKANG DAN PENGENALAN

Pemeriksaan masjid melalui transformasi pengurusan secara profesional dengan pengwujudkan Lembaga Masjid Negeri Sembilan (LMNS) merupakan usaha bagi memartabatkan syiar Islam. Sebelum kewujudan LMNS, pengurusan masjid dan surau diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau (BPMS) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia merupakan sebahagian dari aspek kehidupan masyarakat di negara ini. Ini bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan dikanunkan dalam perlembagaan negara. Pengurusan sering dikaitkan dengan pengendalian dan penyusunan sesebuah organisasi atau institusi untuk mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan. Jabatan agama Islam negeri menjalankan fungsi utama dalam pengurusan hal ehwal Islam peringkat negeri yang mencakupi hal ehwal kekeluargaan, pendidikan Islam, dakwah, pendakwaan dan penguatkuasaan undang-undang, pengurusan masjid, pengurusan halal, penerbitan dan penyelidikan. Untuk memastikan keberkesanan penyampaian kepada masyarakat, pejabat agama Islam diwujudkan bagi peringkat daerah. Jabatan agama Islam juga terlibat dalam pembangunan dan menyediakan kemudahan kepada masyarakat seperti masjid, sekolah agama dan lain-lain³.

1.1 Penubuhan Lembaga Masjid Negeri Sembilan (LMNS) adalah satu usaha untuk mengurus perdanakan pengurusan masjid terutamanya masjid-masjid besar dan utama di Negeri Sembilan. Ini memerlukan perancangan dan pengurusan masjid melalui sistem pengurusan yang sistematik dan bersifat profesional seperti berikut :

1.1.1 Pengurus yang profesional atau sumber manusia yang profesional. Eksekutif yang dilantik berdasarkan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Setiap masjid yang berkenaan akan diletakkan seorang pentadbir berkelulusan ijazah sebagai Ketua Pentadbiran (Eksekutif Masjid) dan juga menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid. Eksekutif Masjid yang dilantik wajar memiliki pemikiran yang genius, hati yang terpaut di masjid dan mesra masyarakat seperti yang disarankan oleh Syeikh Dr. Yusof Qardhawi.

1.1.2 Perancangan dan pengurusan yang profesional. Jangan melampau dan cuai dalam sebarang pengurusan masjid seperti terlalu berkira di dalam mengeluarkan belanja atau terlalu boros. Ini banyak berlaku di kalangan pengurusan masjid akibat tidak memahami Fiqh Aulawiyat. Walaupun masjid mempunyai fizikal yang menarik dan fasiliti yang lengkap atau kewangan yang kukuh serta modal insan yang hebat dari segi ilmu dan akhlaknya, tetapi sekiranya ia tidak ditadbir urus secara profesional maka ia akan menyebabkan masjid akan terus dipinggirkan. Gerak kerja sistematik sememangnya selari dengan tuntutan Islam dan salafussoleh pernah mengungkapkan : "الحق بلا نظام يغلبه الباطل بالنظام" yang bermaksud "Kebenaran tanpa pengurusan sistem yang baik akan dikalahkan oleh kebatilan yang bersistem."

1.1.3 Fizikal masjid yang profesional. Kebersihan dan keceriaan mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk menjadi pengunjung tetap masjid. Suasana masjid yang bersih dan ceria akan membuatkan pengunjungnya berasa selesa dan tenang.

³) Haji Paimuzi Yahya (2009) Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia, Jurnal ILIM, ms. 5.

Malah kebersihan itu sendiri sebenarnya sangat dituntut di dalam Islam. Adalah sesuatu yang sangat menyedihkan sekiranya sesebuah masjid itu berada dalam keadaan yang kotor dan tidak teratur sedangkan masjid merupakan salah satu lambang agama Islam.

- 1.1.4 Jemaah atau khalayak ramai yang profesional. Ia merealisasikan konsep : "بلدة طيبة ورب غفور". Mereka telah disucikan hatinya dengan ibadah solat berjemaah, zikir munajat, selawat ke atas Baginda Nabi SAW dan amalan-amalan lain. Minda mereka telah dibentuk untuk memahami Islam yang syumul dengan manhaj sebenar melalui khutbah jumaat, kuliah, tazkirah, forum, wacana dan program ilmu yang tersusun kemas. Jemaah masjid memahami risalah masjid yang bersifat global dan tidak hanya tertumpu kepada ibadah khusus semata-mata.

Secara umumnya terdapat beberapa persepsi masyarakat terhadap masjid antaranya masjid hanya tempat iktikaf dan solat jemaah semata-mata. Ada yang menganggap masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan pendidikan semata-mata sehingga ia hanya hadir ke masjid untuk majlis ilmu dan culas untuk solat berjemaah. Persepsi ini perlu diharmonikan agar risalah masjid dapat difahami dengan kaedah yang betul.

- 1.2 Pengstrukturannya ini juga bercadang untuk menjadikan masjid sebagai Pusat Kecemerlangan Masyarakat Setempat yang mempunyai peranan dalam konteks masa kini seperti berikut:

- 1.2.1 Sebagai pemangkin kepada kegiatan harian masyarakat untuk manfaat pembangunan setempat. Masjid di zaman Baginda SAW adalah merupakan pusat ibadat dan mu'amalat, pusat penyebaran Islam, pusat pemerintahan dan pentadbiran, gedung ilmu pengetahuan, khazanah hikmah, pembentukan akhlak dan juga merupakan pusat kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan umatnya⁴. Masjid juga adalah tempat membuat kajian, sebagai pusat ilmu dan perbincangan, majlis perdamaian dan kehakiman, pusat bantuan dan takaful serta tempat memberi pandangan dan bermesyuarat⁵. Masjid adalah madrasah dakwah dan pejabat negara Islam. Padanya diadakan *mau'izah* dan pengajian harian, mingguan dan ceramah berkala. Masjid berperanan memberikan ilmu kepada yang jahil, pertolongan kepada yang fakir, memandu urusan kesihatan dan kemasyarakatan, menyebarkan berita yang penting untuk ummat, bertemu dengan diplomat asing, mengatur tentera di medan perang, juga menghantar pendakwah dan perwakilan untuk perdamaian⁶.

- 1.2.2 Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dengan mengadakan kelas pengajian ilmu untuk semua peringkat umur seolah-olah ia menjadi Universiti terbuka. Menurut *Taqiy al-Din al-Fasi*, terdapat puluhan halaqah, 52 ribat, dan 11 madrasah klasik di masjid al-Haram bermula akhir abad ke-13 sehingga kewujudan beliau di Masjid al-Haram (832 H). Markaz jaringan ulama' adalah halaqah yang diselenggarakan di

⁴) Mahmud Saidon Bin Awang Othman (1984) Masjid: Peranan dan Fungsinya. Jabatan Mufti Negeri Sembilan . ms. 24.

⁵) Shaikh Ali Mohammad Mokhtar (1997) Peranan Masjid Dalam Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. ms.47

⁶) Dr Yusoff al-Qaradhawi (2003) *al-Dhawabit al-Syar'iyah Libina' al-Masajid*, Maktabah Wahbah, Kaherah, ms.6 dan 7.

Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi. Ribat, zawiah, pondokan sufi, *kuttab* (pengajian di rumah guru) dan madrasah klasik adalah bagi membezakan antara madrasah moden yang muncul kerana pembaharuan pendidikan yang dilaksanakan oleh Dinasti Uthmani abad ke-19 juga berkisar di kedua masjid tersebut⁷. Masjid-masjid menjadi universiti-universiti yang menguruskan hal ehwal para pelajar yang berminat menuntut ilmu. Mereka datang untuk mendengar ceramah-ceramah yang disampaikan oleh para ulama' dalam pelbagai bidang ilmu seperti syariah, falsafah, perubatan, matematik, astronomi (falak), kimia dan lain-lain. Para ulama' yang mengajar datang dari seluruh pelosok alam yang bertutur dalam Bahasa Arab. Mereka menyampaikan ceramah mereka dengan cara yang menarik perhatian para pelajar. Keupayaan dan kemahiran para ulama diiktiraf dan meyakinkan para pelajar untuk mengikuti halaqat-halaqat (majlis-majlis) ilmu yang diadakan oleh mereka. Masjid mengalu-alukan kedatangan setiap pelajar tanpa mengira bangsanya. Halaqah-halaqah ilmu seperti yang diadakan di masjid-masjid ini merebak ke perpustakaan-perpustakaan, rumah para ulama' serta istana orang-orang kaya⁸. Halaqah ilmu sunat diadakan di masjid. Hal ini disebut oleh al-Nawawi didalam *Syarah al-Muhadzab* dan Ibn Battal pula menyebutkan perkara ini telah menjadi ijma' ulama'. Banyak hadis yang menganjurkan agar diadakan halaqah zikir dan ilmu di masjid seperti sabda Nabi SAW:

من دخل مسجدنا هذا ليعلم خيرا أو ليتعلم كان كالمجاهد في سبيل الله

Maksudnya: *Sesiapa yang masuk ke dalam masjid kami untuk mengajar kebaikan atau belajar maka ia seumpama mujahid fi sabilillah.*

Dalam hubungan ini, Ibn Khaldun memperkenalkan konsep tradisi pengajaran berterusan (*al-Sanad Fi al-Ta'lim*) yang menurutnya menjadi syarat utama yang mesti wujud dalam pembinaan sesebuah tamadun manusia. Tugas mengajar merupakan *sina'ah* yang didalamnya ada unsur kemahiran dan bakat (*malakah*). Berdasarkan pandangan Ibn Khaldun ini, dapatlah disimpulkan bahawa peranan pendidik boleh dianggap sebagai penentu kepada pembangunan dan kelangsungan ummah. Jelaslah disini, pembinaan dan pembangunan sesebuah masjid bukan sahaja perlu diberi penekanan dari aspek lahiriah semata-mata, bahkan aspek-aspek ruhiyyah dan *'aqliyah* turut menjadi pelengkap kepada asas pembinaan masjid agar konsep takmir yang dianjurkan didalam al-Quran dapat diterjemahkan secara nyata. Hasil wakaf masjid harus digunakan untuk pembangunan intelektual umat Islam di kalangan penuntut ilmu dan pendidik. Di Mesir, imam, khatib dan petugas masjid diberi elaun antara 500 sehingga 800 *kirsh*. Dengan syarat mereka sememangnya layak untuk menerima imbuhan tersebut dan melaksanakan tugas sebaik mungkin. Pendekatan ini mampu menyuburkan syiar Islam kerana pengurus masjid tidak perlu meminta-minta dan mencari rezeki di tempat lain⁹.

- 1.2.3 Sebagai sebuah pertubuhan kemasyarakatan dan *think tank*. Masjid juga merupakan parlimen umat, tempat pertemuan pemimpin dan rakyat¹⁰. Pada masa kini NGO muslimat dan syabab dipinggirkan. Masjid yang selama ini dikunjungi oleh warga emas perlu diperbetulkan persepsinya. Mengenai peranan wanita di dalam

⁷) Nor Huda (2007) Islam Nusantara, ar-ruz Media, Jongjakarta, ms.184.

⁸) Syaikh Ali Mohammad Mokhtar ms. 56 dan 57.

⁹) Mohammad Jamaluddin al-Qasimi (1983) *Islah al-Masajid min al-Bida' wa al-'Awa'id*, al-Maktab al-Islami, Beirut. ms.188 dan 189.

¹⁰) Dr Yusof al-Qardhawi (2014) Masjid Parlimen Umat (terj) Ana Muslim Publications Kuala Lumpur.

segenap sudut pembangunan termasuk pembanggunan masjid. Kepentingan wanita dan lelaki di dalam perkara ini ditegaskan oleh Nabi SAW di dalam sebuah hadis :

النساء شقائق الرجال

Maksudnya : *Wanita adalah sebahagian lelaki.*

Baginda Nabi sendiri turut mengkhususkan hari-hari tertentu bagi mengadakan kuliah tafaqquh bagi mereka¹¹. Menurut realitinya golongan muslimat biasanya lebih mesra masjid berbanding kaum adam. Program-program muslimat dilihat lebih bersemangat berbanding muslimin. Syaikh al-Qasimi menegaskan: Alangkah pentingnya saranan ini untuk dipraktikkan pada hari ini¹². Ini melihat kepada realiti ummah yang semakin jahil kerana meninggalkan masjid.

Mengenai golongan remaja pula Rasulullah mengingatkan peranan mereka seperti sabda Baginda :

إن الله ليعجب من الشاب الذي ليست له صيوّة

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah kagum kepada pemuda yang tidak tergelincir (melanggar hukum syara')*¹³.

Melihat kepada realiti remaja yang kurang ke masjid maka LMNS berusaha menarik golongan ini dengan mengadakan program-program yang bersesuaian dengan *trend* semasa. Apa yang penting aktiviti yang dirancang perlulah dirujuk terlebih dahulu dengan jawatankuasa fatwa agar seiring dengan pandangan syara'.

1.2.4 Berperanan untuk melaksanakan program kebudayaan, sosial, ekonomi dan sebagainya di persekitaran masjid. Kesedaran untuk mengimarahkan masjid dengan erti kata yang lebih bertepatan dengan maqasid syariah menyebabkan sebahagian masjid menganjurkan program seperti karnival masjid. Ianya dihiasi dengan jualan amal, pemeriksaan kesihatan, persembahan qasidah dan lain-lain. Keprihatinan MAINS dalam menjaga kebajikan mereka pastinya membuatkan eksekutif-eksekutifnya dapat memberikan komitmen mereka dengan lebih konsisten lagi. Sejarah mencatatkan bahawa masjid juga bertindak sebagai tempat mendeklamasikan sajak. Ia juga boleh digunakan sebagai tempat latihan kraftangan dan lain-lain. Ini lah kegunaan bagi masjid yang mempunyai dua tingkat atau lebih¹⁴.

1.2.5 Sebagai medan untuk mencari ketenangan bagi mengembalikan kekuatan jiwa dan minda. Fahaman politik kepartian tidak sesuai dibawa ke rumah Allah bagi mengelakkan perbalahan dan rasa kurang senang jemaah. Firman Allah di dalam surah al-Nur ayat 36 :

﴿ وَالْأَصَالِ بِالْغَدُوفِهَا لَهُ يُسَبِّحُ اسْمُهُ فِيهَا وَيُذَكَّرُ تَرْفَعُ أَنْ اللَّهُ أَذِنَ بِبُيُوتِ فِي

¹¹) Abd Fattah Abu Ghuddah (2013) al -Rasul Muallim (terj.) Pustaka Jawami' al-Kalim Seremban ms.258.

¹²) al-Qardhawi ms.224

¹³) Syaikh Syauqi Ibad (3.8.13) Majalah al-Bayan .

¹⁴) Syaikh Ali Mohammad Mokhtar ms.11 dan 12.

Maksudnya : *(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.*

Imam Ibn Kathir mentafsirkan ayat ini dengan katanya: Allah memerintahkan supaya masjid-masjid disucikan daripada kotoran, najis, pekerjaan sia-sia dan perbuatan-perbuatan yang tidak sepatutnya¹⁵. Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi, memakmurkan masjid bermaksud mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiar-Nya. Takrif ini menggambarkan bahawa masjid bukan hanya tempat untuk melaksanakan ibadat, tetapi juga untuk menyampaikan dakwah Islam¹⁶. Imam al-Syaukani menegaskan kewajipan menjaga kehormatan masjid termasuklah mengelak daripada meninggikan suara, bergaduh, berjual beli atau kontrak-kontrak yang lain, mencari barang yang hilang atau apa-apa perkara yang tidak mengandungi maksud ketaatan¹⁷.

- 1.3 Bagi sumber kewangan pula, semua pengurusan masjid akan diuruskan oleh LMNS, bahkan LMNS juga mendapat pendapatan dari sumber-sumber tertentu termasuk sumbangan masyarakat, geran dari Baitulmal MAINS, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang membolehkan Lembaga membayar perbelanjaan pengurusan operasi dan perbelanjaan modal.
- 1.4 Merujuk Seksyen 96 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 secara jelas menyatakan bahawa; “Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana surat cara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid di dalam Negeri Sembilan.”
- 1.5 Walaupun terdapat kaedah dan peruntukan dalam pengurusan masjid serta jawatankuasanya, Seksyen 105 Enakmen yang sama juga ada menyatakan bahawa; “Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Besar melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.”

2.0 PELAKSANAAN LEMBAGA MASJID NEGERI SEMBILAN

- 2.1. Untuk memperkasakan Lembaga, adalah dicadangkan penubuhan ahli Lembaga Masjid Negeri Sembilan seperti berikut :

Pengerusi	: Y.A.B. Menteri Besar Negeri Sembilanselaku Pengerusi MAINS
Timbalan Pengerusi	: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Setiausaha	: Pengurus Lembaga Masjid Negeri Sembilan
Ahli	: Timbalan Pengerusi MAINS, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Sembilan, S.S. Mufti Kerajaan N. Sembilan, Dua Ahli MAINS, Pengarah JHEAINS, Yg. Di-Pertua PBT, Setiausaha MAINS.

¹⁵) ibid ms.39.

¹⁶) Dr Yusoff al-Qaradhawi (2003) *al-Dhawabit al-Syar'iyah Libina' al-Masajid*, Maktabah Wahbah, Kaherah, ms.6 dan 7.

¹⁷) Syaikh Adnan Abduh (1431 h) *Tazkir al-'Abid* ms21.

2.2 Dalam cadangan pengstrukturkan pengurusan masjid di Negeri Sembilan, adalah dicadangkan untuk diwujudkan dua peringkat pengurusan masjid.

a) Lembaga Masjid Negeri Sembilan (peringkat Daerah)

Lembaga ini adalah merupakan jawatankuasa pengurusan bagi semua masjid yang terdapat di daerah berkenaan. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan sejak dari tahun 2000 dan dijenamakan semula dan dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah berkenaan dan diurusetiaikan oleh Eksekutif Masjid tersebut.

Adalah dicadangkan jawatankuasa tersebut distrukturkan semula seperti berikut :

Pengerusi : Pegawai Daerah
Timbalan Pengerusi : Pegawai Agama Islam Daerah
Setiausaha : Pengurus Cawangan LMNS, Timbalan Setiausaha
: Pegawai Penyelaras Masjid Daerah, Keahlian Semua
Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid / Eksekutif /
Imam Masjid Jamek / Kariah, Pegawai Baitulmal Daerah,
Jabatan Mufti, Majlis Perbandaran / Daerah, Pejabat
Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah, Ketua Polis Daerah /
Balai, MAINS Holdings dan lain-lain.

b) Jawatankuasa Kariah Masjid

Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa tertinggi dalam pengurusan di peringkat jamek / kariah masjid berkenaan. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat tidak kurang dari enam kali setahun. Adalah dicadangkan struktur jawatankuasa seperti berikut :

Pengerusi : Pegawai Agama Islam Daerah berkenaan atau
mana-mana Pegawai atau Individu yang dilantik oleh
Lembaga Masjid Negeri Sembilan.
Timbalan Pengerusi : Tokoh tempatan yang bersesuaian.
Setiausaha : Eksekutif Masjid / Imam 1.
Keahlian : Pengerusi, Jawatankuasa Kariah Masjid akan
bertanggungjawab kepada Lembaga Masjid Negeri
Sembilan (daerah).

2.3 Walaupun LMNS ini ditubuhkan untuk menguruskan semua masjid yang terdapat di Negeri Sembilan, pengambilalihan pengurusan masjid-masjid dibuat secara berperingkat. Di antara senarai masjid yang dicadangkan untuk diambil alih pengurusannya dengan dilantik Eksekutif Masjid buat permulaan oleh Lembaga Masjid Negeri Sembilan ialah Masjid Negeri, Negeri Sembilan / Seremban 2, Masjid Jamek Seremban, Masjid Bandar Baru Nilai, Masjid Kuarters KLIA, Jijan, Masjid At Taqwa, Kg. Paroi / Masjid Kariah Paroi Jaya, Masjid Imam Hj. Kahar, Kompleks Pusat Islam Rantau, Masjid Jamek An-Nur, Rembau, Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Masjid Tuanku Munawir Seri Menanti, Masjid al-Firdaus Kariah Melang, Masjid Tunku Besar Tampin, Masjid Jamek Port Dickson, Masjid Qaryah Kg. Paya, Masjid Jamek Pekan Kuala Klawang, dan Masjid Tuanku Muhriz Jempol.

2.4 Bagi Fasa 1, LMNS telah melantik 16 Eksekutif Masjid untuk ditempatkan di 15 buah masjid di seluruh Negeri Sembilan manakala seorang eksekutif ditempatkan di Ibu Pejabat LMNS bagi membantu tugas-tugas pentadbiran. Bagi Fasa 2 pula, LMNS merancang melantik sebanyak

24 eksekutif untuk ditempatkan di masjid-masjid yang difikirkan sesuai untuk diurustadbir secara profesional. Perancangan ini bakal dilaksanakan pada bulan Januari 2015. Ini bukanlah bermaksud hanya 40 buah masjid yang ditempatkan Imam Eksekutif tetapi seluruh masjid di Negeri Sembilan yang kini berjumlah 299 buah masjid sedang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (BPMS JHEAINS) akan dipindahkan di bawah pengurusan LMNS pada masa akan datang¹⁸.

- 2.5 Bagi meningkatkan tahap pengurusan semasa setiap masjid berkenaan, MAINS Holdings pula akan dipertanggungjawabkan menguruskan urusan-urusan berikut :
- a) Senggaraan dan baik pulih bangunan serta peralatan (lampu, kipas, penghawa dingin, alat siaraya dan sebagainya)
 - b) Pembersihan kawasan dalam bangunan dan persekitaran masjid (ruang solat, tandas, bilik-bilik dan landskap)
 - c) Kawalan keselamatan (24 jam)
- 2.6 Dari segi perancangan jangka panjang, masjid-masjid ini juga boleh menjadi cawangan mini Baitulmal, Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) dan Pusat Zakat di peringkat qaryah di mana segala fungsi seperti bayaran zakat, penyaluran bantuan, pengurusan wakaf dan lain-lain boleh dilaksanakan diperingkat masjid tanpa perlu berurusan di Pejabat Baitulmal Negeri Sembilan Daerah, Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan ataupun cawangan Pusat Zakat Negeri Sembilan dengan penggunaan sistem yang telah dibangunkan.
- 2.7 Masjid juga boleh menjadi sebagai Pusat Pembangunan Muallaf (peringkat qaryah), Pusat Pembangunan Asnaf (peringkat qaryah) dan sebagai salah satu tempat penganjuran program dan kursus yang dijalankan diperingkat qaryah oleh Pusat Kajian Strategik (peringkat qaryah) dan Pusat Kaunseling (peringkat qaryah).
- 2.8 Koperasi Masjid juga merupakan satu lagi entiti yang perlu digalakkan penubuhannya di peringkat masjid. Penubuhan Koperasi Masjid tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Koperasi. Penubuhan Koperasi Masjid mampu membantu menjana pendapatan tambahan bagi masjid berkenaan disamping menjaga kebajikan anak qaryah.

Pihak Baitulmal MAINS dengan kerjasama Yayasan Waqaf Kebangsaan telah membina enam unit kedai masjid atau "*waqaf mart*" di beberapa masjid utama. Sekiranya konsep ini berjaya dan mendapat sambutan, lebih banyak lagi unit akan dibina pada masa hadapan sama ada dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia atau menggunakan peruntukan Baitulmal Negeri Sembilan. Keutamaan akan diberikan kepada Koperasi Masjid untuk beroperasi di unit-unit berkenaan. Penubuhan Koperasi Masjid ini walau bagaimanapun perlu dikawal dan dipantau dengan teliti agar tidak menimbulkan masalah di bahagian pengurusan masjid.

Satu kajian sedang dilaksanakan bagi menyelaraskan penubuhan Koperasi Masjid tersebut. Antaranya termasuklah cadangan menubuhkan Gabungan Koperasi Masjid Negeri Sembilan yang akan menjadi badan induk dan penaung kepada semua Koperasi Masjid yang terdapat di Negeri Sembilan. Penubuhan Gabungan Koperasi Masjid Negeri Sembilan ini akan digerakkan melalui Lembaga Masjid Negeri Sembilan.

¹⁸) Ucapan YAB Menteri Besar N.Sembilan pada program majlis penutup kursus haji perdana di USIM Nilai pada 20 Ogos 2014.

2.9 Untuk merealisasikan peranan institusi masjid sebagai “jantung” dan “nadi” masyarakat membangun modal insan, adalah dicadangkan kepada kepimpinan masjid agar dapat melakukan penumpuan kepada “membuat perkara yang betul bukan sekadar membuat sesuatu dengan betul”. Oleh itu terdapat beberapa saranan bagi mencapai maksud tersebut seperti :

- a. Kepimpinan yang menerajui masjid perlu terdiri daripada kalangan yang proaktif. Komitmen yang tinggi perlu ada sama ada yang dibayar gaji, elaun, mahupun yang dilantik secara sukarela. LMNS, Masjid Negeri dan Masjid Daerah boleh memainkan peranan mengadakan kursus atau pendedahan kepada mereka yang menerajui kepimpinan masjid. Pegawai Masjid dan yang berkaitan dengannya adalah pendakwah yang akan memainkan peranan dalam membangunkan modal insan setempat.
- b. Kepimpinan masjid perlu memiliki pemikiran yang terbangun untuk mengurus masjid melalui pembangunan minda. Ia boleh dilakukan menerusi penambahan ilmu pengetahuan, pengalaman, kesedaran, motivasi dan wawasan. Semua kepimpinan tertinggi masjid perlu mengikuti bengkel pelan strategik bagi merangka perancangan pengimarah masjid agar lebih berkesan. Peranan ini boleh dimainkan oleh LMNS, Masjid Negeri dan Masjid Daerah dengan mengadakan Bengkel Pelan Strategik.
- c. Pengurusan Sumber Manusia Masjid perlu diurus tadbir dengan baik. Pegawai Masjid boleh diperkemas dengan mendapatkan pekerja sepenuh masa yang boleh merancang aktiviti masjid dan dalam masa yang sama bertindak sebagai imam, bilal dan siak. Perlu juga dilantik petugas sukarela serta jawatankuasa yang mempunyai pelbagai latar belakang kemahiran untuk memudahkan pengurusan masjid khususnya untuk biro-biro agar ia berfungsi dengan jayanya.
- d. Profiling kariah perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar sasaran dakwah setempat di samping menyediakan pangkalan data penduduk. Pegawai Masjid atau Jawatankuasa Qaryah boleh menggunakan khidmat rakan muda masjid bagi membuat bancian penduduk atau boleh juga melantik jawatankuasa khas informasi dan maklumat. Pangkalan data ini boleh mengumpulkan maklumat seperti bilangan penduduk Islam, kategori dan jumlah mengikut lelaki, wanita, kanak-kanak, remaja, bujang, janda, taraf pekerjaan, bilangan anak, ibu atau bapa tunggal, golongan fakir dan miskin, golongan kurang upaya, tokoh penting dan berpengaruh dan pelbagai lagi. Dengan adanya profiling penduduk ini akan memudahkan perancangan aktiviti pembangunan modal insan mengikut sasaran kumpulan.
- e. Membentuk semula perisian atau kandungan aktiviti dengan menjadikan masjid kejiranan yang menyentuh setiap hal masyarakat di samping peranan tradisi yang dimainkan oleh setiap masjid seperti mengadakan kuliah atau ceramah mingguan atau pada hari-hari kebesaran;

Masjid Negeri – boleh diadakan program berbentuk kelas pengajian yang formal yang boleh dianugerahkan sijil atau diploma. Ia juga boleh menganjurkan seminar atau forum yang membincangkan isu semasa oleh ulama’ dan ilmuan Islam serta menyediakan jaringan web antara masjid negeri dan daerah.

Masjid Daerah – boleh diadakan kelas tafaqquh untuk para imam kariah (untuk meningkatkan kemampuan imam secara berterusan, kelas pengurusan masjid untuk jawatankuasa qaryah atau kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan kualiti kepimpinan masjid setempat. Juga boleh mengadakan seminar atau forum tentang isu semasa yang melibatkan umat Islam. Ia juga boleh mengeluarkan risalah yang boleh dikongsi maklumat bersama dengan masjid qaryah di bawah seliaannya. Malah ia juga boleh bertindak menyalurkan maklumat kepada masjid kariah menerusi jaringan laman web.

Masjid qaryah – aktiviti perlu diatur dengan strategik dalam konteks sasaran setempat antaranya dengan mengamabil kira beberapa perkara berikut :

- i. Membasmi kejahilan penduduk qaryah mengikut kelompok sasaran;
 - ii. Mentakmir masjid dengan pelbagai aktiviti berfaedah dan menepati sasaran.
- f. Mewujudkan jalinan *net-working* antara masjid qaryah, menganjurkan aktiviti yang boleh mempereratkan silaturrahim antara ahli qaryah seperti menganjurkan Hari Keluarga, Sehari Bersama Masjid dan lain-lain.
- g. Menyediakan keperluan semasa yang diperlukan di masjid. Jadikan masjid mesra pelanggan, mesra remaja, mesra kanak-kanak, orang dewasa mahupun orang tua:
- i. Untuk menarik remaja perlu ada aktiviti yang disukai remaja, antaranya pertandingan futsal, ruang rekreasi.
 - ii. Untuk mereka yang bermasalah perlu ada petugas yang boleh memberikan nasihat dan bimbingan (mungkin juga Khidmat Nasihat Agama Atas Talian), kaunseling serta motivasi.
 - iii. Untuk meluaskan ruang dan media dakwah, perlu diperbanyakkan penerbitan untuk edaran ahli qaryah serta kemudahan laman web masjid yang sentiasa dikemaskini.
 - iv. Bagi menyemarakkan aktiviti masjid, penjanaan pendapatan melalui aktiviti ekonomi perlu dipertingkatkan dan tidak hanya bergantung dengan derma orang ramai.
- h. LMNS dan agensi-agensi yang berkaitan bukan sahaja membuat pemantauan perjalanan masjid setempat namun yang lebih penting adalah membantu pelaksanaan program pengimarahkan masjid dan surau ke arah memperkasakan pembangunan modal insan.
- i. Sistem pemfailan dan pendokumentasian.
 - ii. Pengauditan dan perancangan kewangan.
 - iii. Perancangan kemudahan fizikal termasuk landskap.
 - iv. Mencadangkan aktiviti termasuk tenaga pengajar. Pemerksaan manhaj ahli sunnah wa aljamaah

2.10 Antara aktiviti awal yang telah dianjurkan dan dijayakan oleh LMNS:

- a. Ceramah perdana Nuzul al-Quran. Program ini dianjurkan oleh LMNS dan dilaksanakan di Masjid Kariah Paroi Jaya. Ceramah ini telah disampaikan oleh Dr.

Shuhadak bin Mahmud selaku Pengurus LMNS. Di samping membentangkan sejarah nuzul al-Quran dan kelebihan ummah yang berpegang dengan panduan al-Quran, penceramah turut mengambil kesempatan untuk memperkenalkan LMNS.

- b. Lawatan LMNS ke seluruh masjid-masjid eksekutif di seluruh Negeri Sembilan. Bagi menerangkan penubuhan awal LMNS, carta organisasi dan perstruktur BPMS dan LMNS serta skop tugas eksekutif masjid, pihak pengurusan LMNS telah turun padang. Sebanyak 17 masjid telah dikunjungi untuk ta'aruf dan mengetahui tanggapan awal kariah masjid mengenai kewujudan LMNS dan eksekutif yang ditempatkan di masjid mereka. Diantara dapatan yang diperoleh daripada hasil lawatan ini ialah bancian penduduk perlu dilakukan bagi memfokuskan golongan sasaran bagi program dan aktiviti yang dijalankan. Pangkalan data perlu diaktifkan bagi mengumpul segala maklumat. Hal-hal berkaitan tanah kubur bagi kariah ini telah dibangkitkan seperti kawasan perkuburan, pembahagian ahli kariah, cadangan penempatan baru tanah perkuburan, serta khairat dan kematian. Jumlah ahli jawatankuasa kariah perlu diperhalusi bilangannya supaya tidak terlalu ramai yang dilantik bagi setiap pengerusi surau. Taraf pendidikan di masjid perlu ditingkatkan dengan silibus yang terkini dan cara penyampaian ilmu daripada tenaga pengajar juga perlulah menarik.
- c. Wacana Fiqh Semasa Syeikh Prof. Mustafa Bugha mengenai Institusi Masjid menurut perspektif Islam. Program yang dianjurkan di Masjid Taqwa Kariah Paroi Jaya berjaya menarik minat penduduk sekitar Seremban untuk mengambil ilmu dari ilmuan besar Syria ini.

3.0 PENUTUP

Impak arus perubahan yang dibawa oleh proses globalisasi tidak terhad kepada aspek ekonomi, sosial dan politik negara sahaja tetapi ia juga memberi kesan besar terhadap sistem pengurusan masjid dalam meningkatkan pengimarah dan kecekapan dalam pengurusan masjid. Kerajaan telah menetapkan pengukuhan peranan masjid dengan pelbagai pengenalan dan penemuan baru teori pengurusan masjid yang difikirkan sesuai. Ia diharapkan dapat membawa kepada peningkatan keupayaan serta pelaksanaan sebagai salah satu teras yang penting ke arah mewujudkan masjid yang cemerlang dan berketerampilan. Akhirnya, segala apa yang telah disusun dan dirancang dapat dijalankan dengan baik dan memberikan natijah yang terbaik dengan mengembalikan fungsi masjid sepertimana pada zaman Baginda Rasulullah SAW. Semoga dengan penubuhan Lembaga Masjid Negeri Sembilan ini akan dapat merealisasikan kecemerlangan di dalam pengurusan masjid di negeri ini khususnya dan Malaysia amnya. Misionaris mencatatkan: Islam tetap akan kukuh dan sukar untuk ditembusi oleh Kristian selagi kaum muslimin mempunyai empat teras yang penting iaitu al-Quran, al-Azhar (masjid), himpunan mingguan (Jumaat) dan himpunan tahunan (haji) ¹⁹.

¹⁹) Dr Yusof al-Qardhawi (2014) Masjid Parlimen Umat (terj) Ana Muslim Publications Kuala Lumpur.ms.22.

RUJUKAN

Abd al-Fattah Abu Ghaddah (2011) 40 Teknik Pendidikan Rasulullah, terjemahan dan adaptasi Shuhadak Mahmud, Azhar Media Seremban.

Dr Yusof al-Qardhawi (2014) Masjid Parlimen Umat (terj) Ana Muslim Publications Kuala Lumpur.

Dr Yusoff al-Qaradhawi (2003) *al-Dhawabit al-Syar'iyah Libina' al-Masajid*, Maktabah Wahbah, Kaherah

Haji Paimuzi Yahya (2009) Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia, Jurnal ILIM

Mahmud Saidon Bin Awang Othman (1984) Masjid: Peranan dan Fungsinya. Jabatan Mufti Negeri Sembilan

Mohammad Jamaluddin al-Qasimi (1983) *Islah al-Masajid min al-Bida' wa al-'Awa'id*, al-Maktab al-Islami, Beirut.

Nor Huda (2007) Islam Nusantara, ar-Ruz Media, Jongjakarta.

Syaikh Adnan Abduh (1431 h) *Tazkir al-'Abid*

Shaikh Ali Mohammad Mokhtar (1997) Peranan Masjid Dalam Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Syeikh Syauqi Ibad (3.8.13) Majalah al-Bayan.